

Pembunuhan Batang Kali: Demo sambut PM Britain
MalaysiaKini.com
April 13, 2012
By Koh Jun Lin

Kira-kira 30 orang berhimpun 'menyambut' ketibaan Perdana Menteri Britain David Cameron di Universiti Nottingham di Semenyih bagi mengetengahkan isu pembunuhan beramai-ramai di Batang Kali pada 1948.

Kumpulan itu yang mewakili lima orang yang selamat daripada tragedi itu, menuntut Cameron secara sukarela mengambil inisiatif menyiasat daripada menunggu kerajaan British dipaksa melakukannya melalui arahan mahkamah.

NONEPenyelaras bagi jawatankuasa mengutuk insiden itu Quek Ngee Meng memberitahu pemberita, mereka sudah memfailkan semakan kehadapan berhubung perkara itu di Mahkamah Tinggi London bagi memaksa kerajaan British mengadakan inkuiri.

Perkara itu akan didengar pada 8 dan 9 Mei.

"Siapa pun yang menang, satu lagi pihak akan merayu. Ia akan memakan masa yang sama, dan pihak yang terselamat tidak boleh menunggu lagi. Kebanyakan mereka berumur lebih 70 tahun," katanya.

Beliau juga menuntut kerajaan British mencontohi Belanda yang memohon maaf kepada keluarga berkaitan ekoran berlakunya peristiwa pembunuhan beramai-ramai Rawagede 1947 di Jawa Barat.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/194897>

